

14 JAN 2002

Rahim-Resolusi

KEMASUKAN PBS DALAM BN TIDAK JEJAS JAWATAN PEMIMPIN UMNO

KOTA KINABALU, 14 Jan (Bernama) -- Kemasukan Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional (BN) tidak menjejaskan kedudukan jawatan khususnya di peringkat kabinet negeri yang kini dipegang oleh pemimpin negeri daripada Umno, kata Ketua Penerangan Umno Negeri Datuk Abdul Rahim Ismail.

"Kita tidak perlu terlalu bertolak ansur dalam pembahagian jawatan (apabila PBS telah diterima memasuki BN)," katanya ketika membentangkan resolusi-resolusi yang dicapai pada Konvensyen Umno Sabah, di Kompleks Tabung Haji, di sini hari ini.

Abdul Rahim yang juga Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri berkata memadailah bagi Umno atau parti parti komponen BN yang lain menyatakan persetujuan mereka terhadap hasrat PBS menyertai BN.

Pada 15 Nov lepas, Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan telah menghantar permohonan rasmi untuk parti itu menganggotai BN kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, beliau berkata perwakilan konvensyen itu telah mencadangkan kepada Badan Perhubungan Umno Negeri supaya tidak mencalonkan mana-mana pemimpin peringkat bahagian yang hanya mementingkan agenda peribadi pada pilihan raya akan datang.

"Pemimpin parti tidak harus membawa masuk agenda peribadi ke dalam perjuangan Umno," katanya.

Beliau berkata penubuhan Puteri Umno adalah satu langkah yang bijak untuk memperkuat tulang belakang parti itu terutama dalam menghadapi cabaran alaf baru.

Mengenai ekonomi, Abdul Rahim berkata Umno negeri mahu melihat lebih ramai pelabur terutama dari luar negeri menanam modal di Sabah.

Beliau berkata sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang diamalkan oleh BN melalui konsep perkongsian kuasa telah menstabilkan politik negeri, sekaligus mewujudkan suasana kondusif untuk membuat pelaburan.

Selain itu, perwakilan juga mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya memberi keutamaan kepada kontrektor bumiputera dalam soal pemberian kontrak.

-- BERNAMA

NT ZB